



SAR: Pemuda PAS cabar Pemuda Umno debat lagi

KOTA BHARU, 20 Feb (Hrkh) - Pemangku Ketua Dewan Pemuda PAS Kelantan mencabar Ketua Pergerakan Pemuda Umno negeri ini, Mohd Rujhan Salleh berdebat mengenai isu sekolah agama rakyat (SAR) bagi menjelaskan siapa sebenarnya mahu memusnahkan pendidikan agama di negara ini.

Haji Zulkefli Yakob berkata, beliau bersedia pada bila-bila masa dan di mana sahaja untuk berdebat mengenai isu tersebut bagi menzahirkan kebenaran.

"Saya cabar Ketua Pergerakan Pemuda Umno Kelantan untuk berdebat atau bermuzakarah mengenai isu ini sebagaimana dilakukan di antara Salahuddin Ayub dan Dato' Seri Nazri Aziz baru-baru ini," katanya pada sidang media di sini, petang ini.

Debat di antara Nazri dan Salahuddin diadakan di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur malam Isnin lalu. Nazri tidak diakui oleh Umno sebagai mewakili parti tersebut, sebaliknya Salahuddin mewakili PAS.

Debat itu memperlihatkan Nazri seperti terkulai di atas pentas tanpa mampu mencungkil idea-idea bernas mengenai SAR.

Zulkefli berkata, Rujhan sepatutnya bersedia untuk berdebat atau bermuzakarah mengenai isu SAR, memandangkan pemimpin berkenaan adalah di antara pemimpin Umno yang berminat melihat SAR terkubur.

Dalam laporan akhbar hari ini, Rujhan dilaporkan berkata, sistem SAR gagal membela nasib guru-guru SAR sehingga mereka berminat untuk menyertai sekolah kebangsaan.

"Kita mahu melihat kesediaan Rujhan untuk menerima tawaran berdebat secara berdepan mengenai isu SAR. Kita akan menyusun usaha-usaha ke arah itu sekiranya beliau bersetuju," kata Zulkefli.

Beliau juga berkata, Dewan Pemuda PAS mulai turun padang bagi menjelaskan kepada masyarakat mengenai kepentingan pendidikan agama bagi masa depan ummah.

Menurutnya, segala usaha dilakukan Umno perlu dijelaskan kepada rakyat, di mana mereka mempunyai nawaitu untuk menutup terus sekolah tersebut.

Katanya, sebanyak 10,000 pelekat dicetak yang bertulis, 'Ya Allah Selamatkan Sekolah Agama' dan 'Ada Sekolah Agama, Tiada Umno, Tiada Sekolah Agama, Umno Ada, Mana Pilihan Anda?' diedar kepada orang ramai.

Selain itu, turut diedar risalah, 'Selamatkan Sekolah Agama, Semuanya Di Tangan Anda, Buat Pilihan Bijak Pada Pilihan Raya Nanti'. Salinan memorandum yang diserahkan kepada Timbalan Yang Dipertuan Agong, bertajuk 'Selamat Sekolah Agama Rakyat' juga dicetak sebanyak 2,000 untuk diedar kepada rakyat.

Sementara itu, puluhan ribu pelajar, guru, ibu bapa dan penduduk tempatan menunaikan solat hajat di kesemua 88 sekolah agama yang terdapat di Kelantan.

Solat tersebut diadakan pagi tadi yang dihadiri kesemua pelajar, guru dan ibu bapa bagi memohon kepada Allah supaya diselamatkan SAR di seluruh negara.

Presiden Majlis Pengetua Sekolah-Sekolah Bantuan Kerajaan Negeri Kelantan, Zulkefli Zakaria berkata, ribuan pelajar dan ibu bapa menyertai solat hajat tersebut. "Ini mencerminkan mereka bersatu hati bagi mempertahankan sekolah agama," ujarnya.(MJ)

Copyright © 2006 suarajohor.tripod.com. All rights reserved. Last updated
Semua artikel yang disiarkan adalah hasil dari pandangan pembaca yang diterima
untuk dikongsi bersama, diolah/diedit mengikut kesesuaian.